

04/11/2003

Pak Lah mulakan tugas

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memulakan hari pertama di Pejabat Perdana Menteri di Tingkat Lima Bangunan Perdana Putra, di sini, semalam.

Selepas merakam kehadirannya tepat jam 8.10 pagi dengan menekan ibu jari pada mesin perakam biometrik, Perdana Menteri kelima itu dibawa ke pejabatnya.

Beliau disambut beberapa pegawai kanan pejabat Perdana Menteri sebelum dibawa oleh Ketua Setiausaha Sulit bekas Perdana Menteri, Datuk Badariah Arshad ke pejabat Perdana Menteri.

Abdullah yang memakai sut hitam kemudian meneliti fail berwarna biru yang tersedia di mejanya. Fail itu diterima daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada majlis penyerahan tugas Jumaat lalu.

Turut serta di bilik itu ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Sebelum itu, ketibaan Abdullah di Laman Perdana pada jam 8 pagi disambut

kira-kira 1,000 pegawai dan kakitangan pelbagai bahagian JPM.

Perdana Menteri kemudian bersalaman dengan pegawai kerajaan yang berbaris dari Laman Perdana sehingga ke pintu masuk Tingkat Satu Bangunan

Perdana Putra. Selepas doa selamat dibacakan, Abdullah memberi salam dan mengangkat tangan kepada hadirin yang tidak sempat bersalaman dengannya.

Beliau juga mengambil kesempatan mengulangi saranan kepada kakitangan awam supaya sama-sama bekerja membangunkan negara dan bangsa.

"Jangan bekerja untuk saya, bekerjalah bersama-sama saya kerana agama, bangsa dan negara, katanya.

Abdullah, yang akan menyambut ulang tahun ke-64 pada 26 November ini mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri di Istana Negara, Jumaat lalu.